



No. Ruj.: DOF.UKK.100-9/1/1 (23)

SIARAN MEDIA

DOF PERKUKUH USAHA KONSERVASI PERIKANAN NEGARA SEMPENA *WORLD CONSERVATION DAY 2025*

PUTRAJAYA, 28 Julai 2025 – Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) terus memperkukuh pelaksanaan pelbagai program konservasi sumber perikanan negara sempena sambutan Hari Konservasi Sedunia (World Conservation Day) 2025 yang disambut pada hari ini. Inisiatif yang dijalankan merangkumi pemuliharaan habitat marin dan darat, perlindungan spesies akuatik serta pengurusan sumber secara mampan bagi memastikan kelestarian ekosistem perikanan untuk manfaat generasi masa hadapan.

Sepanjang tahun 2024, sebanyak **74 unit tukun tiruan** telah dibangunkan di enam buah negeri iaitu Kedah, Perak, Melaka, Pahang, Terengganu dan Kelantan dengan peruntukan keseluruhan sebanyak **RM2.4 juta**. Lokasi pemasangan melibatkan kawasan strategik seperti Pulau Payar, Pulau Kapas, Pulau Redang, Pulau Dodol dan Pulau Seri Buat. Secara keseluruhan, sebanyak **205 tapak tukun tiruan** telah diwujudkan sehingga kini, yang berperanan sebagai habitat pembiakan ikan dan perlindungan biodiversiti marin. Hasil kajian menunjukkan setiap lokasi tukun menyumbang antara **129 hingga 6,047 kilogram biomassa ikan**, dengan nilai pasaran tertinggi mencecah **RM84,759.60**.

Dalam aspek pemuliharaan spesies marin, khususnya penyu, Jabatan Perikanan Malaysia telah merekodkan sebanyak **7,724 pendaratan penyu** di seluruh negara sehingga **Julai 2025**. Sepanjang tempoh tersebut, sejumlah **565,507** biji telur telah dipungut bagi tujuan pemuliharaan dan pengeraman terkawal. Melalui usaha konservasi ini sejumlah **430,568** anak penyu telah dilepaskan ke habitat semula jadi, termasuk pelepasan anak penyu yang ditetaskan daripada pengeraman tahun-tahun sebelumnya.

Spesies penyu yang direkodkan sepanjang tempoh ini ialah penyu agar (*Chelonia mydas*) dan penyu karah (*Eretmochelys imbricata*), yang masing-masing merupakan spesies marin terancam serta dilindungi di bawah Akta Perikanan 1985 dan disenaraikan dalam Appendix I Konvensyen CITES. Program konservasi penyu ini dilaksanakan secara berstruktur melalui pemantauan di lokasi pendaratan utama, penguatkuasaan peraturan serta kerjasama erat bersama komuniti setempat dan agensi berkaitan.

Dalam usaha pemuliharaan sumber ikan air tawar, Jabatan Perikanan Malaysia telah mewujudkan sebanyak **13 buah santuari ikan air tawar** di Semenanjung Malaysia yang menempatkan pelbagai spesies ikan asli tempatan seperti ikan kelah, tengas, lampam sungai dan udang galah. Tambahan sebanyak tujuh (7) lagi santuari baharu sedang dalam pelaksanaan bagi tempoh 2025 hingga 2026.

Selain itu, bagi menyokong pemulihan populasi ikan asli di perairan umum, Jabatan telah melaksanakan program pelepasan benih ikan secara berfasa melibatkan sebanyak **49.6 juta ekor benih ikan** sejak tahun 2021 hingga 2025. Program ini melibatkan peruntukan berjumlah **RM2.38 juta** dan merangkumi spesies seperti ikan kelah, temoleh, baung sungai, puyu, lampam sungai, sebarau, terbol dan udang galah.

Satu lagi inisiatif utama DOF ialah pelaksanaan **Zon Konservasi Perikanan (ZKP)** yang melibatkan kawasan pesisir pantai sejauh 0 hingga 1 batu nautika dari garis pantai. ZKP meliputi habitat penting seperti paya bakau, terumbu karang, rumput laut dan dataran lumpur yang berfungsi sebagai kawasan pembiakan, perlindungan dan pemakanan spesies marin seperti ikan, penyu, kerang-kerangan, dugong dan kuda laut. Sejak 2014, pengurusan ZKP telah dilaksanakan di Kedah, Perak dan Selangor. Ia merangkumi pengawalan aktiviti penangkapan, perlindungan habitat kritikal dan penglibatan komuniti dalam pemuliharaan sumber secara berstruktur.

Pengiraan keluasan ZKP di ketiga-tiga negeri ini telah dilaksanakan oleh Institut Penyelidikan Perikanan, Kampung Aceh melalui kaedah Sistem Maklumat Geografi (GIS), meliputi kawasan perairan sejauh 0 hingga 1 batu nautika dari pesisir pantai tanah besar dan pulau-pulau sekitarnya, tidak termasuk kawasan Taman Laut. Jumlah keseluruhan keluasan ZKP di negeri-negeri terbabit adalah 1,734 kilometer persegi (km²). Sekiranya cadangan peluasan ZKP dilaksanakan di negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia, anggaran tambahan keluasan kawasan ZKP ialah 2,617 km², menjadikan jumlah keseluruhan kawasan berpotensi mencapai 4,351 km².

“Jabatan Perikanan sentiasa berusaha memastikan sumber perikanan negara diurus secara bertanggungjawab dan mampan. Program konservasi yang dilaksanakan bukan sahaja memberi manfaat kepada biodiversiti marin dan air tawar, malah menyokong kesejahteraan komuniti nelayan dan masyarakat pesisir. Sempena *World Conservation Day* ini, saya menyeru semua pihak untuk terus menyokong usaha pemuliharaan ini demi menjamin khazanah perikanan negara kekal lestari,” ujar Ketua Pengarah Perikanan, Dato’ Haji Adnan bin Hussain

Jabatan Perikanan Malaysia akan terus memperkukuh pelaksanaan program pemuliharaan berasaskan data dan pengalaman lapangan, dengan kerjasama strategik pelbagai pihak termasuk agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), komuniti nelayan dan sektor swasta. Komitmen ini adalah selaras dengan Dasar Agromakanan Negara 2021–2030 (DAN 2.0), Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan 2022–2030 serta Matlamat Pembangunan Mampan (SDG 14: Life Below Water).

-TAMAT-

Dikeluarkan oleh:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

E-mel : ukk@dof.gov.my